

Tempoh latihan graduan perubatan dilanjutkan kepada 2 tahun

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan telah melanjutkan tempoh housemanship (latihan dalaman) selama setahun kepada dua tahun bagi graduan perubatan supaya memastikan mereka memiliki asas kukuh sebelum memulakan karier sebagai doktor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican, berkata sebelum ini tempoh housemanship dalam tiga disiplin wajib sama ada dalam pencegahan dan penyembuhan, pediatrik, pembedahan atau pencegahan dan penyembuhan, pembedahan dan obstetrik dan gynekologi (O&G) - dengan empat bulan dalam setiap bidang.

"Kini wajib bagi mereka dilatih selama empat bulan masing-masing dalam enam disiplin iaitu perubatan am, pediatrik, pembedahan, ortopedik, O&G dan perubatan kecemasan untuk tempoh dua tahun," katanya pada seminar mengenai latihan housemanship di Malaysia, di sini, baru-baru ini.

Katanya, tempoh lanjutan itu mula dilaksanakan sejak akhir tahun lalu.

Dr Mohd Ismail berkata, semua doktor pelatih akan diletakkan dalam skim perkhidmatan UD41 (RM1999-RM5317) dan selepas tempoh housemanship, mereka akan disahkan dalam perkhidmatan dan dinaikkan ke tangga gaji UD44 (RM3028-RM5570).

Katanya, setiap doktor pelatih akan dibimbing, dipantau dan dinilai dari segi pengetahuan dan kemahiran oleh pakar selain meneliti sikap mereka terhadap profesion itu.

"Jika prestasi mereka tidak menepati standard maka tempoh latihan akan dilanjutkan," katanya.

Katanya, buat masa ini Majlis Perubatan Malaysia (MMC) mengiktiraf 366 kolej perubatan dalam dan luar negeri yang melahirkan 4,000 graduan perubatan setiap tahun.

Dr Mohd Ismail berkata, beliau telah mengarahkan pakar supaya "mengambil usaha tambahan untuk mengajar dan melatih doktor pelatih sebaik mungkin dengan kesopanan".

Katanya, kajian terbaru terhadap 28 buah hospital besar menunjukkan 67.8 peratus doktor pelatih mendapati latihan mereka adalah terlalu stres dan 53 peratus kadang-kadang memikirkan untuk meninggalkan bidang itu kerana tidak tahan dengan tekanan.

Katanya, kajian itu juga menunjukkan stres paling tinggi ialah berkaitan dengan waktu kerja dan bebanan kerja dan 30 hingga 40 peratus daripada mereka tidak mempunyai masa untuk aktiviti sosial dan rekreasi.

Selain itu, katanya, 21.8 peratus doktor pelatih memerlukan kaunseling dan 5.8 peratus memerlukan rawatan khusus. - Bernama

Hak Cipta Terpelihara 2007 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.